

KERATAN:

New Sabah Time

TARIKH:

7/5/2012

SAB-A0578/12

M/S:

(10)

# Kajian dan Pembangunan Penulis di Sabah

OLEHYATIM AHMAD  
(ytaubatal@yahoo.com)

**PENGISIAN** Bulan Penulis Sabah yang dilancarkan awal bulan ini di Dewan Besar, Dewan Bahasa dan Pustaka cawangan Sabah (DBPS) di Teluk Likas minggu lalu, terus dilaksanakan dengan bengkel penulis di Promenade Hotel. Kira-kira 30 penulis seluruh negeri menyertai bengkel itu yang turut dianjurkan oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Badan Bahasa dan Sastera Sabah (Bahasa).

Seperti yang kita tahu, Bulan Penulis yang julung kali diadakan di negeri ini mengumpul semua penulis dan sasterawan tempatan untuk menambah keupayaan penulis menghasilkan bahan sastera, selain mungkin peluang untuk penerbitan buku. Dari segi pengisian pengetahuan dan kemahiran, strategi bengkel yang membedah atau mengupas hasil karya terbaru penulis dijangka memberikan banyak memberi pendedahan teknik, pendekatan dan merangsang pemikiran penulis untuk menghasilkan karya yang lebih baik lagi.

Sebenarnya, walaupun peluang berbengkel terutama membabitkan penerbit dan badan yang bertanggungjawab terhadap perkembangan seni persuratan negara, agak jarang dilaksanakan di negeri ini, kita berharap pengalaman itu bukan sahaja digunakan sebaik mungkin, malah berkongsi dengan penulis lain yang tidak sempat atau berpeluang menyertainya.

Sudah tentulah, pada era di mana penerbitan karya sastera mula mendapat tempat yang lebih luas, akan membantu memperbanyakkan bahan bacaan di pasaran tempatan, selain yang sedia ada, kebanyakan yang ada di pasaran sekarang ialah novel popular. Tidak mengapa novel popular, tetapi penghasilan sastera tulen perlu juga diberi perhatian di kedai buku. Perbezaan paling ketara antara novel popular dengan sastera tulen ialah dari segi jodolnya sahaja terlalu berbau cinta, penggunaan bahasa yang tidak standard, pelanggaran tata bahasa dan ke ringkasannya ayat seperti penggunaan bahasa sistem pesanan ringkas (sms), serta pemikiran yang lebih menjurus kepada kebendaan, watak yang mementingkan diri sendiri, kebebasan hidup yang melampau.

Membaca novel popular bukan salah, dari segi kekayaan bahan untuk sastera memanglah bagus, tetapi penulis bukan hanya mementingkan pulangan hasil penjualan buku semata-mata, tetapi tanggungjawabnya ikut meninggikan martabat bahasanya, lengkoknya dan unsur pemikiran keintelektual.

Maka itu, bengkel ITBM-Bahasa perlu ditanggapi secara profesional oleh peserta yang saya yakini mereka kebanyakannya sudah memiliki banyak buku, novel dan antologi cerpen atau puisi. Mereka perlu mendapatkan maklum balas yang tepat juga strategi bagaimana pasaran hasil sastera dapat ditingkatkan di kalangan masyarakat.

"Gaya bahasa ialah permainan ungkapan kata atau ayat yang terjalin mesra dan sebat dengan pengayaan emosi yang dituangkan kepada watak, juga gambaran tentang persekitarannya yang terlaku keilmiahan, pendeknya yang lazim diungkapkan oleh masyarakat tanpa membebangkan fikiran mereka kerana dengan berfikir persoalan bahasa yang berjela-jela untuk satu perkara."

Dan sudah tentulah persaingan dengan novel popular itu perlu dipandang serius kerana sudah ramai pengikut dan pembelinya, sementara bekalan novel itu kadang-kadang berlambak di pasaran. Berbanding hasil karya sastera tulen, jumlah yang sedia kurang atau sedikit itu, tambah merundum kerana banyak aspek tarikan bagi seseorang pembeli dilupakan oleh penulis. Biasanya, penulis selalu lupa bagaimana mengayakan bahasa mereka, itulah masalah utama, dan itulah yang selalu saya katakan, gaya bahasa.

Gaya bahasa ialah permainan ungkapan kata atau ayat yang terjalin mesra dan sebat dengan pengayaan emosi yang dituangkan kepada watak, juga gambaran tentang persekitarannya yang terlaku keilmiahan, pendeknya yang lazim diungkapkan oleh masyarakat tanpa membebangkan fikiran mereka kerana dengan berfikir persoalan bahasa yang berjela-jela untuk satu perkara.

Konsep penulisan, tidak kira sastera atau non-sastera ialah satu ayat atau ilmu. Satu rangkap satu peristiwa dan rangkap lain adalah menguatkan rangkap yang terdahulu. Ertinya, jalinan cerita itu bermula intronya, jika cerpen ialah apakah objek dan subjektifnya. Cerpen tidak memerlukan bantuan banyak watak dan peristiwa untuk menjadikan ia cerita yang bagus.

Untuk memahami semua perkara ini, kita bukan sahaja memerlukan bengkel, tetapi kajian pembangunan (R&D) kepenggarangan. Ertinya, penulis pada setiap masanya adalah membaca, menganalisis pembacaannya, membuat nota dan perbandingan. Setiap hari, sekurang-kurangnya senashkah akbar, novel terbaru, majalah sastera terbaru, majalah ekonomi, sejarah dan hiburan barangkali serta buku mengenai kajian sastera.

Tidak kira penulis itu bekerja di jabatan kerajaan atau swasta, membaca dan mengkaji mesti menjadi keperluan dan keutamaan. Untuk menghasilkan sastera untuk khalayak masyarakat, pembacaan dan kajian sangat diperlukan kerana

sudah sampai masa di mana setiap bahar yang tersiar di akbar untuk ruang sastera budaya mesti memiliki kekuatan pelbagai aspek kualiti. Kuantiti kita sudah ada, setiap minggu penulis Sabah (jika ditinjau di akbar tempatan), kita ada tiga cerpen dan kira-kira 10 puisi. Daripada tiga cerpen, sukar dikatakan bahawa semuanya atau salah satunya menepati kehendak kualiti. Tetapi, anehnya apabila pemimpin dan penulis mapan yang tersiar di akbar, dan kebetulan temanya sama, nampak jauh sangat kualitinya.

Perbandingan antara penulis ini kadang-kadang menyerupai berat sebelah, sebenarnya tidak. Dari segi bahasa dan pemilihan ayat sahaja sudah jauh bezanya, apakah lagi unsur pemikiran yang dicernakan dengan konflik, urutan peristiwa, dan penyudah cerpen penulis muda atau matang sekalipun, selalu membuat kita hairan bagaimana mereka mengendalikan bakat dan kebolehan memahami bahasa sendiri.

Sebagai contoh, cerpen keusahawanan. Apa yang kita baca ialah seorang watak yang sering kali diberikan konsep kebetulan untuk menjadikan dia peniaga runcit, dan pernyataan bagaimana bermiaga itu kadang-kadang lari daripada kelojikan semasa. Bukan salah cerpen peniaga kecil-kecilan, tetapi kalau masalah peniaga kecil-kecilan pun penulis sukar membayangkan konfliknya, apakah keusahawanan tinggi? Maka itu tidak ada satu pun penulis, sejak saya ikut serta sebagai pemerhati pada Hadiah Sastera Sedco-Bahasa-NST ini, terbaca cerpen begitu. Tiada cerpen mengenai usahawan yang menang atau kalah pada persaingan global.

Masalah utama penulis tidak berani menulis cerpen begini kerana daya kreativiti kurang hanya ada pada persekitaran sahaja, manakala yang tinggi pula mungkin mereka ketiadaan maklumat. Ertinya, pemikiran kreatif untuk mendapatkan bahan bantu ini tidak ada, jadi persoalan bermiaga hanya apa yang mereka nampak di depan mata dan mencongak gambaran kedai runcit sahaja.

Tetapi, bagi penulis yang kreatif ialah, anda boleh mendapatkan laporan tahunan sesebuah syarikat korporat untuk pelbagai industri atau eksport import, laporan tahunan sektor perhotelan untuk watak yang mengurus hotel, laporan tahunan pencapaian badan berkanun kerajaan yang terbabit dalam keusahawanan, komoditi atau hiliran.

Semua ini adalah maklumat untuk anda kreatif, juga mengetahui isu semasa berkaitan sesuatu pencapaian dan perkembangan syarikat atau perindustrian.

Maka itu, saya mengesyorkan pembacaan anda perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa kerana cerpen yang anda cipta sentiasa akan berubah dan mestilah ada pemikirannya. Tidak mengapa kalau ia hanya cerita kecil, tetapi cara penyampaian yang kreatif itu diperlukan lebih daripada apa yang sentiasa kita baca.

Mudah-mudahan, Bulan Penulis ini akan memberikan kita pelbagai galakan untuk menjadikan bidang seni susastera meningkat, daripada penghasilan kuantiti, kualiti dan produk yang pelbagai untuk memenuhi di premis buku seluruh negeri. Memandangkan era globalisasi sekarang semakin mengancam produk berasaskan kertas, maka sastera perlu menggembung tenangnya sendiri untuk mengatur strategi supaya ia terus penurut masa.

Kita mesti bekerja sama dengan persatuan penulis dan kerjasama antara persatuan penulis kemudian kerjasama dengan pihak swasta dan kerajaan. Kita mesti ada produk yang bagus, barulah boleh maju.